



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	11/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	JPNP			



ANGGOTA keselamatan mengawal kawasan operasi memusnahkan tanaman musang king di Raub baru-baru ini.

Operasi memusnahkan tanaman berbaki 50 hektar lagi

Lebih 5,000 pokok musang king ditebang

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

RAUB – Operasi memusnahkan pokok durian musang king di Hutan Simpan Kekal Batu Talam di sini berjalan lancar dengan lebih separuh kawasan kebun durian seluas 101 hektar itu telah dimusnahkan sehingga semalam.

Berdasarkan amalan penanaman di kawasan berbukit, sebanyak 110 batang pokok durian musang king boleh ditanam di atas tanah seluas satu hektar. Ini bermakna, lebih 11,000 pokok berkemungkinan ditanam di kawasan operasi berkenaan.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Dr. Mohd. Hizamri Mohd. Yasin berkata, lebih 50 hektar kawasan penanaman pokok durian berkenaan telah dimusnahkan.

"Hampir semua kakitangan



KERATAN Kosmo! semalam.

pejabat hutan daerah di Pahang turut sama membantu bagi melancarkan operasi terbabit.

"Kerahan ini dibuat bagi memastikan operasi dapat diselesaikan lebih awal sebelum kerja penanaman semula pokok hutan dapat dilakukan," katanya ketika dihubungi semalam.

Berdasarkan pelaksanaan penebangan pantas, operasi memusnahkan dusun durian yang bermula 3 Julai lalu itu dijangka dapat diselesaikan lebih awal.

Mengikut perancangan asal, operasi tersebut dijangka ber-

akhir pada 2 Ogos depan.

Menurutnya, lebih ramai kakitangan JPNP akan dikerahkan bagi menjalankan kerja-kerja penebangan pokok yang masih berbaki kira-kira 50 hektar itu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Raub, Deputy Superintendan Nasir Ismail berkata, sejak penglibatan Pasukan Gerakan Am (PGA) di kawasan tersebut, operasi menebang pokok durian berjalan lancar tanpa gangguan dan provokasi mana-mana pihak.

Ujarnya, kawalan di kawasan operasi dilakukan selama 24 jam termasuk di sekatan jalan raya (SJR) yang melibatkan 60 anggota PGA dan 40 anggota polis.

"Kawalan akan dilakukan sehingga operasi tamat. Keadaan di kawasan sekitar serta bandar Raub juga adalah tenteram," katanya.

